

Nalla keluar sebab peribadi – Anwar

UM- 27/5/2007

SEREMBAN 26 Mei – Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tindakan sahabat karibnya, Datuk K. Nalla Karuppan keluar dari parti itu adalah keputusan peribadi dan bukannya politik.

Beliau berkata, keputusan Nalla Karuppan itu bagaimanapun tidak akan menjejaskan persahabatan mereka yang telah terjalin sejak 30 tahun lalu.

Menurut beliau, tidak semestinya apabila wujud perbezaan fahaman politik mereka perlu bermusuh.

“Bagi saya, keputusan Nalla Karuppan (untuk keluar PKR) lebih kepada hal peribadi tetapi saya tidak akan bermusuh dengannya. Beliau tetap sahabat saya.

“Saya juga tidak ada masalah dengan rakan-rakan politik da-

ripada UMNO, MCA dan Gerakan. Sehingga kini saya masih bersahabat dengan mereka walaupun kami berbeza fahaman politik,” katanya.

Anwar menyatakan demikian kepada pemberita selepas Kongres Nasional Tahunan PKR kali ke-4 di Sekolah Tinggi Chung Hua di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan Nalla Karuppan yang juga Ketua Bahagian PKR Kepong meletakkan jawatan dan keluar dari parti itu bersama lapan pemimpin PKR berketurunan India.

Menurut Nalla Karuppan yang suatu ketika dulu merupakan teman Anwar bermain tenis, sebab utama beliau berbuat demikian adalah kerana ‘tiada tempat untuk kaum India dalam PKR’.

Beliau juga menyatakan bahawa para pemimpin PKR yang keluar parti itu sudah hilang kepercayaan kepada pucuk pimpinan PKR dan Anwar sebagai penasihat parti.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Nalla Karuppan tersebut, Anwar berkata, PKR mempunyai dasar-dasar yang lebih baik daripada MIC.

“Saya beri jaminan polisi yang kita ada adalah lebih baik daripada MIC dalam membela masyarakat India,” ujarnya.

Sementara itu, Anwar menghargai liputan meluas yang diberikan oleh media arus perdana terhadap kongres PKR kali ini.

“Walaupun ada laporan negatif, itu tidak mengapa asalkan ada berita berhubung kongres ini,” katanya.